

POLEMIK PELANTIKAN AMIL DI KALANGAN WANITA

The Polemic on the Appointment of Women Amil

Azri Bhari (Dr.)ⁱ, Luqman Abdullah (Dr.)ⁱⁱ, Mohammad Mahyuddin Khalidⁱⁱⁱ, Mohd Ashrof Zaki Yaakob (Dr.)^{iv}, Mohd Afandi Mat Rani (Dr.)^{iv}

ⁱ Pensyarah Kanan, Institut Kajian Zakat (IkaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, azrib@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, luqmanabdullah@um.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Institut Kajian Zakat (IkaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, emkay@uitm.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Institut Kajian Zakat (IkaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, ashrof@uitm.edu.my

^v Profesor Madya, Institut Kajian Zakat (IkaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, mohdafandi@uitm.edu.my

| Abstrak | Abstract |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>Amil atau golongan yang terlibat dengan pentadbiran zakat perlu memiliki kriteria dan kualiti sebagaimana yang dibincangkan oleh para fuqaha. Penentuan hukum fiqh termasuk di dalam penentuan amil di Malaysia secara umumnya adalah berdasarkan kepada pandangan mazhab Syafie. Walau bagaimanapun, terdapat keputusan fatwa dan praktis amalan berkaitan ibadah zakat di Malaysia dilihat mengambil kira pandangan di luar kerangka mazhab Syafie. Justeru, artikel ini akan membincangkan larangan pelantikan amil zakat di kalangan wanita di dalam praktis pengurusan zakat di Malaysia yang disandarkan kepada pandangan mazhab Syafie. Di samping itu, analisis analisis pandangan sarjana hukum fiqh dan maqasid syariah yang dipertimbangkan oleh pihak institusi fatwa di Malaysia akan dibincangkan di dalam artikel ini dan seterusnya memperincikan unsur maqasid di dalam pelantikan amil di kalangan wanita.</p> | <p>Amil of zakat or those involved in the administration of zakat should have the same elementary criteria and qualities as discussed by the fuqaha. The determination on ruling of fiqh including in the selection of amil in Malaysia are generally based on the views of the Shafie school of thought. However, there are some decisions and pronouncement of fatwa especially related to zakat in Malaysia that are taken into consideration from the view of sect other than Shafie school of thought. Therefore, this article will discuss the prohibition of appointing amil of zakat among women in the practice of zakat management in Malaysia based on the view of Shafie school of thought. In this paper, the analysis of the views of scholars of Islamic jurisprudence and Islamic jurisprudence considered by this ruling in Malaysia will be discussed in this article and further elaborates on the element of maqasid in amil appointments among women.</p> |

Keywords: literature, fatwa, zakat, maqasid shariah

| | |
|------------------------------------------------|--|
| Kata kunci: Amil, Hukum, Mazhab Syafie, Wanita | |
|------------------------------------------------|--|

PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu ibadah yang disyariatkan dengan tujuan untuk menyucikan jiwa dan membersihkan harta. Dalam konteks kepentingan umum, zakat merupakan satu mekanisme syariat yang bermatlamat mencapai keadilan sosial khasnya dari sudut ekonomi. Hubung kait zakat dengan peranan untuk mencapai keadilan sosial menjadi jelas dengan wujudnya peranan dan fungsi amil di dalam operasi zakat. Sebilangan fuqaha cenderung dengan idea pembayaran zakat seharusnya melalui amil. Idea ini memberi ruang kepada pemerintah dan kerajaan untuk melaksanakan fungsi dan dasar keadilan sosial dengan melantik amil atau menguruskan hal-ehwal zakat.

Amil ialah golongan yang dilantik untuk melaksanakan segala fungsi urusan zakat yang meliputi tugas memungut, menyimpan, mengagih dan mentadbir wang zakat. Ia terdiri daripada pemungut, kerani, jurukira, pengagih, pentadbir, penjaga stor dan jawatan lain yang berkaitan (Muhammad 'Uqlah, 1982). Isu berkaitan amil zakat timbul apabila terdapat wanita yang dilantik menjadi amil, sedangkan pengamalan dalam mazhab Syafie melarang pelantikan amil dari kalangan wanita dan tidak pernah timbul dalam sejarah terdahulu wanita menjadi amil zakat. Namun, perkara ini dilihat perlu diperjelaskan sesuai dengan peranan yang boleh dilakukan oleh wanita dalam membantu melicinkan pentadbiran dan pengurusan zakat pada masa kini.

DEFINISI AMIL

Perkataan amil ini diambil secara langsung daripada perkataan Arab yang bererti pekerja (Ibrahim Mustafa et.al 1985). Menurut tatabahasa arab, amil berasal daripada perkataan "amala" yang bererti kerja, maka amil yang merupakan kata pembuat. Ia membawa makna orang yang bekerja dalam bidang pekerjaannya atau perusahaannya (Ibrahim Mustafa et.al 1985). Dalam maksud yang lebih khusus amil ialah orang yang mengambil zakat daripada pemilik harta atau pemeliharanya (Ibrahim Mustafa et.al 1985). Ibn Qudamah mentakrifkan amil sebagai golongan yang diutus Imam untuk mengambil zakat dari pemiliknya, mengumpulnya, menjaganya dan memindah-mindahkannya. Menurut al-Qaradawi, amil ialah setiap mereka yang bekerja di bahagian pentadbiran zakat daripada pengutip yang mendapatkan zakat, pengawal yang menjaga dan menyimpan harta zakat, penulis, pengira dan pembahagi zakat kepada asnaf yang layak. Setiap mereka ini mendapat ganjaran daripada harta zakat agar mereka mengambil zakat daripada pemiliknya dan sebagai pemberi ingatan.

Sungguh pun secara amnya amil bermaksud pekerja atau orang yang melakukan sesuatu perbuatan, istilah ini tidak diguna pakai secara meluas melainkan apabila melibatkan hal-ehwal zakat. Baik ketika menyenaraikan penerima zakat, mahupun ketika mengulas pentadbiran zakat. Istilah amil ini diungkap dengan jelas oleh al-Quran ketika Allah SWT menerangkan tentang golongan yang berhak menerima zakat dalam firman-Nya:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْمٌ حَكِيمٌ

Terjemahan: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".

Perkataan amil pada ayat yang disebutkan iaitu "orang yang bekerja" merujuk kepada individu atau kumpulan yang kerjanya menyempurnakan fardu kifayah sebagai pemungut, pencatat, penjumlah, pengumpul dan penjaga zakat yang berhak mendapat upah. Keprihatinan Rasulullah SAW terhadap kewujudan amil dan pengiktirafan baginda terhadap mereka dapat dilihat menerusi sabda Rasulullah SAW yang membandingkan ganjaran amil yang setara dengan golongan yang berjuang dan berjihad ke jalan Allah dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud yang bermaksud:

Daripada Rafi' bin Khadij terdengar : Rasulullah s.a.w bersabda : Amil (pegawai zakat yang berkhidmat mengutip dan mengagihkan) sedekah (zakat) dengan hak (adil dan telus) akan mendapat pahala sebanding dengan pahala tentera (mujahid atau ghazi) yang berjuang di jalan Allah sehingga dia kembali ke rumahnya.

SYARAT AMIL

Amil atau golongan yang terlibat dengan pentadbiran zakat perlu memiliki kriteria dan kualiti sebagaimana yang dibincangkan oleh para fuqaha'. Antaranya; seseorang amil itu seorang Muslim, mukallaf, sihat tubuh badan dan berpengetahuan mengenai hal-ehwal zakat. Ibn Qudamah mensyaratkan amil mesti Muslim yang amanah dan bukan dari saudara mara dan tidak disyaratkan kemerdekaan atau kemiskinannya. Ini kerana pengurusan zakat adalah sebahagian daripada wilayah eksklusif untuk umat Islam. Syarat ini

disepakati oleh jumhur fuqaha. Syarat seterusnya ialah mukallaf. Secara ringkas mukallaf ialah cukup umur (baligh) dan waras fikiran (akil) (al-Qarađāwī, 1999). Disyaratkan sedemikian kerana amil memikul tanggungjawab serius dalam pengurusan harta umat Islam (Mujaini Tarimin 2005). Syarat berikutnya, amil mestilah berpengetahuan mengenai hal ehwal zakat dan memahami selok-belok zakat dari segi hukum (al-Nawawi 1995). Syarat ini terpakai sama ada kepada amil daripada kategori tafiid (amil kategori pembuat keputusan dan dasar dalam kutipan dan agihan), mahupun daripada kategori tanfidh (amil kategori pelaksana iaitu yang melakukan kerja berdasarkan arahan dan suruhan). Syarat yang terakhir ialah berkemampuan dari segi fizikal. Ini merupakan syarat umum kepada apa jua jenis amanah dan pekerjaan (al-Qarađāwī, 1999). Oleh itu, amil mesti memiliki kemampuan fizikal yang disertai dengan ilmu dan kemahiran untuk melakukan kerja (al-Qarađāwī, 1999).

Mengenai wanita sebagai amil zakat, tidak ada dalil khusus yang melarang wanita bekerja sebagai amil zakat. Walau bagaimanapun ada kaedah umum yang menyarankan supaya wanita bersikap malu dan menjauhkan diri dari berkerumun dan bergaul dengan lelaki tanpa ada kepentingan. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan tentang polemik di kalangan fuqaha di dalam pelantikan amil di kalangan wanita.

POLEMIK SARJANA HUKUM FIQH TENTANG PELANTIKAN AMIL WANITA

Sarjana hukum fiqh berbeza pendapat berkaitan isu pelantikan wanita sebagai amil zakat. Terdapat dua pandangan iaitu tidak membenarkan dan membenarkan wanita menjadi amil zakat dalam isu ini (al-Qarađāwī,). Larangan wanita dilantik sebagai amil zakat adalah supaya tidak berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan. Hal ini kerana, dalam pengurusan dan pentadbiran zakat adalah lebih sesuai dilaksanakan oleh pihak lelaki yang memerlukan pergerakan di luar semasa menjalankan tugas memungut zakat, bertemu dengan para pembayar zakat, berinteraksi dengan para asnaf zakat dan sebagainya. Justeru itu, budaya kerja seperti ini mengutamakan lelaki menjawat jawatan amil zakat berbanding wanita yang mempunyai sifat yang agak terbatas.

Al-Abī dari kalangan ulama fiqh mazhab Mālikī menyatakan wanita tidak dibenarkan menjadi amil. Beliau menjelaskan bahawa wanita tidak sesuai dengan keadaannya kerana sukar dan tidak selamat untuk keluar mengutip, mengagihkan dan memastikan penerima zakat. Situasi tersebut menyukarkan bagi wanita menjalankan tugas dan lebih-lebih lagi jika wang atau harta zakat hilang (Al-Ashqar, 2004). Antara lain hujah golongan yang tidak membenarkan wanita menjadi amil zakat ialah kandungan perkataan (والأعاملين) dalam ayat berikut:

إِنَّمَا الْصَّدَقَةُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الْرِّقَابِ وَالْغَرِيمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَآبَنِ
السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٦٠

Terjemahan: "Sesungguhnya sedekah (zakat) itu diberikan kepada fakir, miskin, para amil" (al-Taubah 9: 60)

Dalam firman Allah SWT di atas menyatakan bahawa antara yang boleh menerima zakat adalah amil zakat. Dalam ayat ini, kalimah amil di sini menggunakan imbangan jama' muzakkir salim (وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا), iaitu bermaksud para amil lelaki. Ini menunjukkan wanita tidak termasuk dalam ayat berkenaan dan tidak boleh menjadi amil zakat (al-Qaradāwī,). Selain itu, golongan yang melarang wanita menjadi amil zakat menggunakan alasan seperti dalam sabda Nabi SAW berikut:

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَنْ يَأْمُرُهُمْ امْرَأٌ

Terjemahan: "Tidak akan berjaya kaum yang melantik wanita sebagai pengurus mereka" (diriwayatkan oleh Al-Bukhāri).

Berdasarkan hadis di atas, sarjana hukum fiqh yang tidak membenarkan wanita menjadi amil zakat adalah kerana kerja-kerja tersebut bersifat pengurusan dan kepimpinan. Nabi SAW menyatakan bahawa urusan kaum itu tidak boleh diserahkan kepada wanita. Oleh sebab itu, wanita tidak boleh menguruskan urusan zakat (al-Qaradāwī,). Hujah berikutnya ialah ketiadaan riwayat atau athar yang menyebut wanita pernah dilantik sebagai amil zakat pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Justeru itu, ini menunjukkan pelantikan wanita sebagai amil zakat adalah tidak dibenarkan dalam Islam. Manakala menurut pandangan al-Ashqar (2004), al-Qaradāwī () dan Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2006), wanita dibenarkan menjadi amil zakat. Mereka berpandangan wanita dibenarkan menjadi amil zakat dengan menyangkal alasan-alasan di atas dengan menyatakan tafsiran (وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا) di atas tidak tepat kerana jika begitu sudah tentu perkataan (الْفُقَرَاءِ), (الْغَارِمِينَ) dan (ابن السَّبِيلِ) juga tidak termasuk wanita miskin, wanita yang berhutang dan wanita yang bermusafir. Hal ini disebabkan semua perkataan berkenaan atas sifat lelaki (muzakkir) sama seperti (وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا). Sedangkan ijma' sarjana hukum fiqh tidak berpendapat sedemikian, sebaliknya menyatakan wanita juga termasuk dalam golongan berkenaan walaupun perkataan berkaitan dalam sifat lelaki (al-Ashqar, 2004).

Seterusnya, hadis yang melarang wanita menjadi pengurus di atas hanyalah melibatkan kepimpinan yang besar iaitu dalam membuat keputusan perkara kenegaraan. Sedangkan amil zakat hanyalah jawatan pentadbiran biasa yang tidak termasuk dalam kehendak hadis tersebut. Manakala sebahagian sarjana hukum fiqh menjelaskan hadis tersebut tidak

dimaksudkan sebagai suatu dasar umum, tetapi hanya sekadar memperkecilkan kebolehan pemerintah kerajaan Parsi yang pada ketika itu ditadbir oleh wanita dalam menghadapi kekuatan Islam (al-Qarađāwī,). Paizah (2010) mengulas lanjut hadis berkenaan tidak secara jelas memberi erti penolakan terhadap kepimpinan wanita secara menyeluruh. Oleh sebab itulah para sarjana hukum fiqh berbeza pandangan dalam mentafsirkannya.

Sewajarnya hadis tersebut difahami dan dirujuk kepada sejarah Parsi dan Kisra. Hadis tersebut merujuk dalam konteks peristiwa tertentu iaitu orang Parsi mengangkat anak perempuan Kisra sebagai raja mereka. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī mengulas bahawa hadis tersebut merupakan bahagian terakhir daripada kisah Kisra mengoyak-ngoyak surat Nabi SAW kepadanya. Kemudian Kisra menyerahkan kepimpinan tersebut kepada anaknya, selepas itu anak beliau membunuh beliau dan saudaranya, kemudian apabila anak beliau mati kerana diracun, maka sampailah kepimpinan ke tangan anak perempuannya yang bernama Bauran binti Shirawah bin Kisra. Maka hilang dan hancurlah kerajaan Parsi seperti yang didoakan oleh Nabi SAW (al-‘Asqalānī, 1987). Jelas hadis berkenaan khusus berkaitan dengan orang Parsi dan ia hanya berkaitan masalah berita dan khabar gembira serta tidak ada kaitan dengan masalah hukum syariat. Selain itu, Muṣṭafā al-Sibā’ī (1984) menambah bahawa tidak terdapat ijmak ulama melarang wanita untuk mencebur ke dalam bidang kepimpinan secara mutlak. Sebaliknya mengharuskan wanita dilantik sebagai pemegang wasiat kepada harta kanak-kanak yang masih kecil atau orang yang kurang waras, menjadi wakil kepada pertubuhan atau organisasi sebagai pengurus harta atau pentadbir urusan pertanian dan perladangan.

Golongan yang membenarkan wanita dilantik menjadi amil zakat menyatakan bahawa tidak terdapat dalam pengamalan Nabi SAW dan para Sahabat terdahulu, tidak memberi maksud atas pengharaman. Hal ini disebabkan soal kutipan wang zakat, bukanlah perkara ibadat secara khusus yang memerlukan kepada nas yang sahīh dan sariḥ, tetapi tertakluk kepada pertimbangan maṣlaḥah. Oleh itu, larangan atas alasan tidak pernah berlaku pada zaman Nabi SAW dan para Sahabat adalah tidak tepat (al-Ashqar, 2004). Dalam isu pelantikan wanita menjadi amil zakat, al-Qarađāwī mengulas bahawa tidak terdapat dalil khusus melarang wanita menjadi pengurus zakat. Walau bagaimanapun, kaedah umum dalam syariat Islam yang mewajibkan wanita hidup lebih waspada dan tidak bercampur lelaki kecuali perlu, menjadikan lelaki lebih utama menjawat jawatan seperti itu daripada melakukan urusan zakat yang lebih banyak berhubung dengan kaum wanita sendiri, seperti membahagi-bahagikan zakat di kalangan kaum wanita sendiri dan sebagainya. Jelaslah, isunya bukan soal kepimpinan tetapi soal pergaulan. Oleh kerana itu, ia tertakluk kepada hukum pergaulan itu sendiri dalam Islam (al-Qarađāwī,).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia telah memutuskan bahawa keputusan pelantikan amil wanita seperti berikut:

"Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri"

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-50 yang bersidang pada 10 Mei 2001 telah membincangkan Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Muzakarah telah memutuskan bahawa orang bukan Islam tidak boleh dilantik menjadi amil zakat dan wanita Islam boleh dilantik menjadi amil zakat gaji dan pendapatan di LHDN".

ANALISIS MASLAHAH DI DALAM FATWA PELANTIKAN AMIL WANITA DI MALAYSIA

Pelantikan amil di kalangan wanita akan menyebabkan pergaulan antara lelaki dan perempuan terpelihara dan terhindar daripada fitnah. Urusan kutipan dan agihan zakat dapat dijalankan dengan lebih selesa dan aman di kalangan kaum wanita sahaja. Adalah wajar sekiranya wanita disantuni dan dilayan oleh kaumnya sendiri. Oleh sebab itu, pelantikan sebagai amil dibenarkan atas pertimbangan maṣlahah demi keselesaan dan penjagaan maruah kaum wanita itu sendiri.

Selain itu, pelantikan wanita sebagai amil dilihat boleh menarik lebih ramai lagi pembayar zakat di kalangan kaum wanita itu sendiri. Pada masa kini, khususnya kaum wanita di Malaysia ramai yang berkerjaya dan menjadi hartawan hasil daripada pendapatan bekerja dan perniagaan. Justeru itu, atas dasar pertimbangan maṣlahah amil wanita lebih sesuai dan berkesan mendekati kaum wanita untuk memberi galakan dan khidmat perundingan pembayaran zakat. Hal ini dilihat menepati kehendak maqāṣid ḥifẓ al-dīn (objektif memelihara agama) dan ḥifẓ al-nafs (memelihara nyawa) di dalam membantu meningkatkan jumlah kutipan dana zakat untuk diagihkan kepada golongan asnaf. Secara tidak langsung dapat meningkatkan kutipan dana zakat untuk keperluan para asnaf.

Seterusnya, berkaitan pengurusan kaunter zakat di pejabat sekiranya diuruskan oleh amil wanita dilihat tidak mendatangkan fitnah dan tidak membahayakan keselamatan. Hal ini disebabkan persekitaran kerja yang mengamalkan budaya profesional dan beretika dapat mengelakkan daripada berlakunya fitnah pergaulan atau mafsadah kepada kaum wanita di kaunter-kaunter zakat. Dengan kewujudan persekitaran tempat kerja yang kondusif dan pelaksanaan budaya kerja yang selari dengan kehendak syariah akan dapat menjamin keselamatan dan ketenteraman pergaulan antara lelaki dan wanita dalam menjalankan urusan di kaunter zakat. Berdasarkan asas ini pelantikan amil di kalangan wanita dibenarkan kerana antara maqasid tidak

dibenarkan wanita jadi amil adalah untuk menjaga keselamatan kaum wanita itu sendiri.

Walau bagaimanapun, pelantikan wanita sebagai amil perlu dibatasi dengan tugas-tugas tertentu dengan mengambil kira maslahah dan kesesuaian wanita. Sekiranya pelantikan wanita sebagai amil bagi menguruskan kaunter zakat di pejabat, pembahagian wang zakat kepada janda atau wanita yang lemah iaitu tugas-tugas yang lebih sesuai dilakukan oleh wanita daripada lelaki dan sebagainya adalah dibenarkan atas dasar tidak berlaku percampuran dengan lelaki dan keselamatan terjamin. Selanjutnya, pelantikan amil wanita dari satu aspek dapat membantu membangunkan institusi zakat ke arah yang lebih efisien dan profesional. Berbanding kaum lelaki, corak kerja kaum wanita jauh lebih baik dari sudut ketelitian dan kesungguhan. Ia dapat dilihat melalui penglibatan kaum wanita ini sebagai amil di institusi zakat mampu memartabatkan dan meningkatkan syiar Islam selaras dengan *maqāṣid hifz al-dīn*. Demikianlah, pertimbangan maqasid pelantikan amil wanita yang telah diperincikan di atas adalah disokong oleh Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2006) serta temubual yang dijalankan kepada tokoh-tokoh seperti Mujaini Tarimin (2016), Marwazi (2016), Anhar Opir (2016), Abdul Halim Tawil (2016), Abdul Jamil (2016) dan Asniza Ahmad (2016). Elemen pengambil kiraan maqasid syariah juga dapat dilihat di dalam proses memutuskan fatwa pelantikan amil di kalangan kaum wanita.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan terhadap isu pelantikan amil di kalangan wanita di atas, ia menunjukkan bahawa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia telah mengambil kira pertimbangan maqasid syariah dalam memutuskan fatwa pelantikan amil wanita. Walaupun jawapan atau keputusan fatwa bersifat ringkas tanpa huraian lanjut, namun berdasarkan analisis perincian maqasid syariah menunjukkan fatwa yang diputuskan mengambil kira kehendak maqasid syariah. Penilaian terhadap maslahah dan mafsdadah telah dilakukan secara tidak langsung oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia sebelum sesuatu fatwa diputuskan. Hal ini menunjukkan bahawa fatwa-fatwa zakat yang diputuskan tidak berasaskan kepada pandangan mazhab Syafie itu adalah bertujuan untuk mencapai maqasid syariah sesuai dengan prinsip hukum Islam yang bersifat fleksibel.

RUJUKAN

- Al-Ashqar, 'Umar Sulaymān, "Idārah Wālī Māl al-Zakāh aw Masraf al-'Amilīn 'Alayhā" dalam 'Abhāth Qadāyā al-Zakāh al-Mu'āşarah, cet. ke-3 (al-Urdun: Dār al-Nafais, 2004).
- Al-Qaraḍāwī, Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah, 600.; Mahmood Zuhdi Abd. Majid, Pengurusan Zakat.
- Al-Bukhārī, Abī 'Abdullah Muḥammad bin Ismā'il Al-Bukhārī, "Şahīh Bukhārī" dalam Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 363 (Kitāb al-Maghāzī: Bāb Kitāb al-Nabī ilā Kisrā wa qayṣar, no. hadīth 4425).
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin 'Alī, Fath al-Bārī Sharḥ bi Şahīh al-Bukhārī (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 8: 160, (Kitab al-Maghazi: Bāb Kitāb al-Nabi 'ila Kisra wa qaysar, Kitāb al-Maghazīno. hadith 4425).
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, al-Imām al-Ḥāfiẓ 'Aḥmad bin 'Alī, Fath al-Bārī Sharḥ bī Şahīh al-Bukhārī (Cairo: Dār al-Rayyan lī al-Turath, 1987).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat (Kuala Lumpur: JAKIM, 2009).
- Muhammad al-Ghazālī, al-Sunnah al-Nabawiyyah bayna 'Ahl al-Fiqh wa 'Ahl al-Ḥadīth (Qāhirah: Dār al-Shuruq, 1989).
- Muhammad 'Uqlah, Ahkām al-Zakāh wa al-Sadaqah (Urdun: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthah, 1982), 202.; Wahbah al-Zuhaylī, al-Fiqh al-'Islāmī wa 'Adillatuh.
- Muṣṭafa al-Siba'ī, al-Mar'ah bayn al-fiqh wa al-Qānun (Bayrūt: al-Maktab al-Islām, 1984).
- Paizah Ismail, Wanita Status Sosial dan Undang-undang Islam, Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd., 2010).
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/wanita-dan-orang-bukan-islam-sebagai-amil-zakat-gaji-dan-pendapatan-di-lembaga-hasi>

TEMUBUAL

- Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2016.
- Abdul Jamil Jaafar (Penolong Mufti Unit Istinbat, Wilayah Persekutuan), dalam temubual dengan penulis, 13 Januari 2016.
- Anhar Opir (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.
- Asniza Ahmad (Penolong Mufti Bahagian Fatwa, Negeri Sembilan), dalam temubual bertulis melalui emel, 20 Januari 2016.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid (Profesor, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 18 Januari 2016.

Marwazi Dziyauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2016.

Mujaini Tarimin (Profesor, Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2016.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.